

23/04/2015 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri 2014

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,
Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah JPM;

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM bagi tahun 2014; dan

Saudara-Saudari, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang mulia ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu dan berhimpun di **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2014.**
2. Sesungguhnya kehadiran semua pada hari ini merupakan satu **wadah pertemuan** yang amat baik di kalangan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM). Peluang ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya sebagai **platform untuk kita berinteraksi, serta saling kenal mengenali** di antara satu sama lain di bawah satu keluarga besar JPM, **selain menghargai kecemerlangan** seluruh warga JPM termasuk Jabatan dan Agensi di bawahnya.
3. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kesemua **1,966 warga cemerlang Jabatan Perdana Menteri** yang terdiri daripada:

- i. **1,954 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**; dan
- ii. **12 orang penerima Sijil Penghargaan Jabatan Perdana Menteri**. Sijil Penghargaan JPM yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai yang bukan berjawatan tetap seperti lantikan *contract for service*, pekerja sambilan harian dan juga pegawai daripada skim perkhidmatan singkat.

Kesemua mereka ini telah dipilih daripada **58 Jabatan/Agensi/Bahagian** di bawah JPM yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2014.

4. Seperti mana tahun-tahun lalu, untuk majlis tahun ini sekali lagi kita memilih **seorang penerima terbaik** di kalangan penerima anugerah APC 2014 untuk menerima **Anugerah Khas JPM 2014**. Anugerah khas ini diberikan kepada pegawai yang dipilih berdasarkan kepada **prestasi cemerlang yang berterusan sepanjang perkhidmatannya di dalam Perkhidmatan Awam**, dan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang lebih daripada tiga kali sepanjang perkhidmatannya di JPM. Penerima anugerah ini juga dinilai dari segi aspek **kewibawaan, keterampilan dan penglibatan** dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan Negara.
5. Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi azam para penerima untuk **bertugas dengan lebih gigih dan penuh iltizam** pada masa akan datang bagi **menaikkan imej perkhidmatan awam** secara amnya, dan JPM khususnya.

BUDAYA KECEMERLANGAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya yakin '**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**' yang diberikan pada hari ini merupakan **pembakar semangat dan pendorong** untuk semua warga JPM berkhidmat dengan lebih baik ke arah **peningkatan mutu kerja dan produktiviti**. Saya juga percaya penganugerahan ini merupakan **penghargaan** di atas keupayaan warga cemerlang JPM untuk **sentiasa berusaha maju ke hadapan** bukan sahaja sebagai **peneraju perubahan**, tetapi juga sebagai **penggerak utama** ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.
7. Kepada semua penerima anugerah pada hari ini, saya ingin mengingatkan bahawa ini **hanyalah langkah permulaan** bagi anda semua untuk terus berusaha menjadi **penjawat**

awam yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Jadikanlah anugerah kecemerlangan yang kita terima ini sebagai satu amanah dan cabaran untuk kita terus memberi komitmen yang terbaik dalam tugas kita seharian.

8. Penyampaian perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus yang baik (*good governance*) serta mengutamakan budaya kerja cemerlang merupakan ekspektasi yang perlu diberi perhatian selaras dengan dasar Kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan pencapaian.
9. Kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan sebuah organisasi. Kecemerlangan itu seharusnya diterapkan dalam budaya kerjasama sepasukan (*teamwork*) dan selari dengan nilai-nilai 'Cepat, Tepat dan Integriti' (CTI) dan prinsip 'Produktiviti, Kreatif dan Inovasi' (PCI) yang telah diperkenalkan pada tahun 2012. Hasilnya, tahun 2014 telah menyaksikan pelbagai pengiktirafan dan anugerah yang berjaya diperolehi oleh JPM.
10. Jurulatih legenda *American football*, Vince Lombardi pernah menyatakan, "Pencapaian sebuah organisasi adalah hasil usahasama setiap individu di dalam organisasi tersebut." Berdasarkan ungkapan ini, kejayaan JPM pada tahun 2014 ini merupakan kejayaan anda semua. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua di atas kejayaan ini dan saya amat berharap agar kecemerlangan ini akan dapat terus dikekalkan untuk masa yang akan datang.

MENANGANI CABARAN MASA KINI DENGAN BIJAK

Hadirin hadirat sekalian,

11. Tahun 2014 merupakan tahun yang amat mencabar bagi Malaysia. Bermula dengan kehilangan MH370, disusuli dengan tragedi MH17 dan diakhiri dengan banjir terbesar dalam sejarah Negara pada bulan Disember lepas, kesemua ini telah memberi impak yang besar kepada Kerajaan. Iktibar dari peristiwa-peristiwa tersebut mengkehendaki kita memantapkan dan menambahbaik *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkesan supaya wujud proses tindakan dan sistem komunikasi, pelaporan, penguatkuasaan kawalan yang lebih cekap, sistematik serta bersepadu.
12. Peristiwa-peristiwa ini memberikan peringatan yang baik kepada kita tentang pentingnya kolaborasi dan kerjasama yang erat di antara Kementerian dan Jabatan dan mengikiskan budaya kerja secara berasingan atau *silo*. Justeru itu, saya menyarankan agar semua Jabatan dan Agensi JPM menambahbaik SOP masing-masing terutamanya yang melibatkan pengurusan krisis dan pelaksanaan projek-projek Kerajaan.

13. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada hari ini telah mewujudkan fenomena globalisasi 'Dunia Tanpa Sempadan' termasuk kemasukan maklumat-maklumat tanpa tapisan melalui laman media sosial yang disebar luas dan dikongsi di *Facebook, Youtube, Twitter, Instagram* dan sebagainya. Sebagai penjawat awam, kita seharusnya dapat menilai dengan bijak setiap maklumat-maklumat yang diperolehi agar tidak mudah terpengaruh dengan maklumat-maklumat negatif dan menyeleweng seperti penyebaran ideologi "*Islamic State of Iraq and al-Syam*" (ISIS).
14. Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana penjawat awam sekiranya didapati terlibat dengan gerakan ideologi tersebut dan juga kegiatan-kegiatan ekstremis yang lain. Kita seharusnya sedar bahawa sebagai penjawat awam, kita juga boleh berjihad dengan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan masyarakat. Ini merupakan sumbangan yang amat besar dan insyaAllah usaha-usaha murni dan ikhlas ini akan diberkati oleh Allah SWT.

INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

15. Kerajaan sentiasa mengutamakan perkhidmatan yang bersih dan berintegriti sepertimana yang telah ditekankan dalam nilai-nilai 'Cepat, Tepat dan Integriti' (CTI) perkhidmatan awam. Sehubungan itu, tahap disiplin penjawat awam yang tinggi dalam melaksanakan tugas amatlah diharapkan demi menjayakan setiap gagasan yang dibawa. Harapan saya agar setiap warga JPM dapat memikul amanah ini dengan baik dan sentiasa mengamalkan integriti yang tertinggi dalam melaksanakan tanggungjawab kita seharian. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik agar Perkhidmatan Awam Malaysia disanjung tinggi dan dipercayai oleh rakyat.
16. Baru-baru ini dalam satu sesi bersama media mengenai tindakan susulan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1, saya telah menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap segala teguran dari laporan Ketua Audit Negara. Seterusnya, saya telah menegaskan bahawa tindakan susulan perlu diambil dengan sewajarnya, selain melakukan penambahbaikan secara berterusan untuk mengelak teguran yang sama di masa hadapan.

GST DAN KENAIKAN KOS KEHIDUPAN

17. Seperti yang telah kita semua sedia maklum, berkuatkuasa 1 April 2015, Kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan atau "*Goods and Services Tax*" (GST) bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (*Sales and Service Tax, SST*). Kita seharusnya sedar bahawa GST diperkenalkan bagi memperbaiki dan menyusun semula sistem percukaian Negara pada masa kini supaya lebih berkesan, saksama, efisien dan telus.

18. Terdapat banyak kekeliruan dan maklumat yang salah tentang GST yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu yang tersebar luas di media sosial. Justeru itu, sebagai penjawat awam kita seharusnya memberi penerangan dan kefahaman yang betul kepada rakyat tentang faedah dan kebaikan GST.
19. Dengan pelaksanaan GST ini, terdapat golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga barangan runcit dengan sewenang-wenangnya. Ini seterusnya memberi kesan kepada kos kehidupan seharian. Penjawat awam juga tidak terlepas daripada kesan kenaikan kos ini.

KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM DIUTAMAKAN

20. Baru-baru ini CUEPACS telah menuntut agar gaji penjawat awam dinaikkan sebanyak 35 peratus. Ini berdasarkan andaian mereka bahawa terdapat sebilangan besar penjawat awam yang bergaji di bawah RM 850 sebulan.
21. Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan penjawat awam. Kenaikan kos barangan dan keperluan kehidupan lain memberikan impak terhadap kehidupan seharian kita. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga perlu menangani defisit fiskal Negara yang terkesan dengan pergolakan ekonomi dunia. Dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat, tentunya kebajikan penjawat awam sentiasa diambil kira oleh Kerajaan. Bagi golongan yang bergaji di bawah RM 850 sebulan, Kerajaan telah merancang kenaikan gaji pokok golongan ini pada tahun 2015.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

22. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014. Tidak lupa juga kepada pihak urusetia majlis yang telah bertungkus lumus dalam penganjuran majlis ini. Teruskan kecemerlangan dan bertekadlah untuk menjadi lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2014>